



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**PROGRAM PENJANAAN PENDAPATAN WANITA (WEJANA) TAHUN 2023  
NEGERI SABAH**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**THE PALACE HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH  
26 SEPTEMBER 2023 (SELASA)  
11.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI**

*Kemaskini 26 September 2023*

## **(A) PENDAHULUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana) Tahun 2023 Negeri Sabah yang diadakan pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penganjur program ini iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) di atas pelaksanaan program ini. Ini merupakan siri yang kedua yang dilaksanakan di Sabah susulan pelaksanaan WeJana pada tahun 2022 yang lepas.
3. Terima kasih juga kepada semua yang hadir kerana sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam program pada hari ini menunjukkan kebersamaan kita

dalam memperkasakan kaum wanita terutama di negeri Sabah.

**(B) CABARAN WANITA YANG TERLIBAT DALAM PENJAGAAN TANPA GAJI (UNPAID CARE WORK)**

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

4. Kaum wanita yang telah berkeluarga sering menghadapi kekangan untuk meneruskan kerjaya kerana terpaksa menguruskan **penjagaan tanpa gaji (*unpaid care work*) dan kerja-kerja domestik.**

5. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization [ILO]) dalam sebuah laporan pada tahun 2018, kerja-kerja penjagaan (*care work*) terdiri daripada aktiviti penjagaan langsung dan tidak langsung. Aktiviti penjagaan langsung adalah seperti mengasuh bayi atau menjaga pasangan yang sakit manakala aktiviti penjagaan tidak langsung adalah seperti memasak dan membersihkan rumah.

6. Kerja ini kebanyakannya dilakukan oleh wanita, yang secara tradisinya dilihat sebagai penjaga utama kanak-kanak, orang tua dan orang sakit, serta penjaga rumah.
  
7. Wanita, berbanding lelaki, terpaksa meninggalkan kerjaya mereka, bukan atas pilihan sendiri, tetapi disebabkan kos penjagaan yang tinggi atau sebab tiada pilihan kerja yang fleksibel yang membenarkan mereka teruskan sebagai penjaga sambil kekal dalam dunia pekerjaan.

8. Oleh yang demikian, bidang keusahawanan terutama perniagaan dalam talian (*online business*) sering menjadi pilihan utama untuk wanita-wanita yang menjadi suri rumah bagi memperoleh pendapatan bagi menampung kehidupan keluarga mereka.
  
9. Dengan adanya kemudahan teknologi terkini termasuk perkhidmatan kurier, platform jualan secara dalam talian (e-dagang), media sosial dan aplikasi menghantar mesej yang percuma telah membolehkan semua orang dapat menjalankan perniagaan dari rumah.



10. Oleh itu, suri rumah yang berhasrat untuk menjalankan perniagaan dari rumah ini perlu dibantu dari segi bimbingan, latihan dan pembiayaan.
  
11. Selain itu, seperti yang kita semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan **Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat** pada 27 Julai 2023 yang lalu telah menggariskan salah satu daripada tujuh penanda aras yang mahu dicapai di bawah Ekonomi

Madani adalah untuk **meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita kepada 60 peratus dalam tempoh kurang sepuluh tahun dari sekarang.**

12. Sehubungan itu, bagi meningkatkan peluang dan penyertaan wanita di dalam ekonomi, antara fokus utama KPWKM adalah bagi **penyediaan ekosistem yang menyokong kepada wanita untuk terlibat dalam ekonomi** seperti bantuan kewangan untuk membantu usahawan wanita seperti program Wanita Bangkit di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan **penyediaan akses kepada**

**latihan dan pembangunan kapasitas (*upskilling* dan *reskilling*)** seperti Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana) yang diadakan pada pagi ini.

13. Peserta yang terpilih untuk program WeJana ini adalah terdiri daripada peserta Wanita Bangkit. Ini adalah merupakan kesinambungan program pemerkasaan wanita yang dilaksanakan secara strategik melalui agensi-agensi KPWKM bagi menjana pendapatan kaum wanita dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada orang lain.

**(C) PROGRAM PENJANAAN PENDAPATAN WANITA (WEJANA)**  
**2023**

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

14. **Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana) 2023** adalah program bimbingan keusahawanan dan pembangunan kapasiti untuk wanita.

15. Program WeJana ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan telah berjaya membantu meningkatkan pendapatan peserta **secara puratanya sebanyak RM1,000 sebulan.**
16. Melihat kepada keberkesanan program ini pada tahun 2022, program WeJana ini diteruskan pada tahun 2023 dengan beberapa penambahbaikan serta memberi fokus kepada suri rumah wanita.

17. Program WeJana 2023 ini mensasarkan peserta daripada kalangan **suri rumah wanita yang terlibat dengan penjagaan tanpa gaji (*unpaid care work*)** supaya mereka dapat memperoleh pendapatan di samping dapat menjalankan tanggungjawab mereka sebagai penjaga.
18. Objektif utama adalah untuk membimbing peserta untuk menjana dan meningkatkan pendapatan sendiri dan memberi latihan yang sistematik dalam memulakan perniagaan, khususnya perniagaan dalam talian.

19. Program ini akan melibatkan seramai 200 orang peserta dan seramai 35 orang peserta daripada negeri Sabah telah dipilih bagi menyertai program ini.
  
20. Modul program WeJana 2023 ini merangkumi empat (4) aspek iaitu **pengurusan kewangan, jualan dan pemasaran, penjenamaan perniagaan,** dan akhir sekali **perkhidmatan pelanggan.**
  
21. Para peserta akan diajar untuk membangunkan halaman perniagaan secara dalam talian seperti melalui platform e-

dagang, serta melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan Tiktok. Para peserta juga akan turut diajar untuk meningkatkan pemasaran dalam talian dan mula menjana pendapatan melalui platform tersebut.

22. Modul penjenamaan perniagaan pula adalah bagi mendidik peserta untuk mewujudkan jenama perniagaan tersendiri seperti logo, warna dan label.
23. Dan akhir sekali modul perkhidmatan pelanggan pula adalah bagi melatih peserta untuk memperkenalkan



produk, membuat jualan dan memberikan perkhidmatan pelanggan melalui komunikasi yang berkesan.

## **(D) PENUTUP**

Puan-puan, tuan-tuan, hadirin yang saya kasihi sekalian.

24. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Program WeJana 2023 ini dapat memberi manfaat kepada para peserta program untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka di dalam bidang keusahawanan dan seterusnya memastikan golongan wanita berjaya berdikari serta mengurangkan kebergantungan kepada orang lain bagi tujuan kelangsungan hidup.

25. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga akan terus berusaha untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membangunkan kapasiti wanita dan seterusnya memartabatkan agenda pemerkasaan wanita bagi memastikan kesejahteraan kaum wanita terus dibela.
  
26. Saya yakin bahawa jika diberi peluang dan ruang yang adil, wanita boleh menjadi daya penggerak utama produktiviti dan ekonomi negara.

27. Izinkan saya mengakhiri ucapan dengan serangkap pantun:

Gunung Kinabalu Menjadi Tarikan,  
Tertinggi di Malaysia Berdiri Megah,  
Setinggi Penghargaan Saya Ucapkan,  
Wanita Sabah Memang Hebat Bah!

28. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya melancarkan **Program Penjanaan Pendapatan Wanita (WeJana) Tahun 2023 Negeri Sabah.**

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**26 September 2023**